

PM arah tubuh segera konsortium Bumiputera

Pelan pembangunan Koridor Wilayah Utara siap tidak lama lagi

Oleh Fazli Abdullah

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan penubuhan segera sebuah konsortium yang 100 peratus dianggotai syarikat Bumiputera untuk membangunkan Koridor Wilayah Utara.

Perdana Menteri berkata, entiti berkenaan akan menjadi peneraju pembangunan di kawasan Perlis, Kedah, Seberang Prai dan Perak utara itu dalam bidang ekonomi, perniagaan dan perusahaan.

Katanya, penubuhan konsortium itu perlu dilakukan segera kerana draf pertama pembangunan koridor berkenaan akan dibentangkan Kumpulan Sime Darby kepada kerajaan tidak lama lagi.

Konglomerat itu diberi tanggungjawab melaksanakan pembangunan di koridor itu seperti yang dirancang oleh kerajaan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Mereka (Sime Darby) sudah rancang dan akan beri notis kepada saya untuk mengemukakan draf pertama

rancangan mereka," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Kepala Batas di Dewan Milenium, di sini semalam.

Abdullah adalah Ketua Umno Kepala Batas. Hadir sama Timbalan Ke-

"Penubuhan konsortium perlu dilakukan segera kerana draf pertama pembangunan koridor akan dibentangkan Kumpulan Sime Darby kepada kerajaan tidak lama lagi"

**Abdullah
Ahmad Badawi**
Perdana Menteri

tua Umno bahagian itu, Datuk Helmi Rashid dan beberapa pemimpin Umno negeri dan bahagian.

Perdana Menteri juga mahu Pemuda Umno Pulau Pinang yang mencetuskan idea 'penubuhan konsortium itu mengemukakan cadangan mereka dan menyertakan bersama pelan pembangunan.

Beliau turut mengalu-alukan cadangan Pemuda Umno negeri kerana ia menunjukkan mereka yang akan mewarisi kepemimpinan mempunyai idea mengenai apa yang perlu dilakukan pada masa depan.

"Kalau ada apa-apa yang mereka mahu rancang di Pulau Pinang kemukakan secepat mungkin dan kalau perlu buat pertemuan dengan pelbagai pihak di Pulau Pinang atau Seberang Prai untuk bincang. Kalau ada cadangan, boleh turut serta dengan Sime Darby," katanya.

Beliau berkata, koridor yang membabitkan Perlis, Kedah, Seberang Prai dan Perak utara perlu dilaksanakan segera kerana kawasan berkenaan kurang maju berbanding

Lembah Klang.

Katanya, kawasan itu perlu diberi perhatian kerana ramai penduduknya terdiri daripada orang Melayu dan kebanyakannya terbabit dalam kegiatan pertanian.

"Bukan saja pembangunan fizikal perlu dilakukan, malah program tertentu untuk mengupayakan penduduk di kawasan itu, khususnya dalam bidang ekonomi," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan syarikat Bumiputera yang mendapat projek dalam pembangunan koridor itu tidak menyerahkannya kepada pihak lain bagi mengelakkan ketirisan.

Katanya, sebuah jawatankuasa khas di Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan memantau pelaksanaan projek itu.

"Kalau dapat peluang jangan serahkan kepada orang lain. Ini bukan cara yang digalakkan. Ini tak baik. Kalau kita ambil projek, kita sendiri laksanakan.

"Jika ada ketirisan, tahap ekonomi orang Melayu tidak dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi," katanya.